



KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor / Pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Kategori, Kepala & Sub- Kepala		Jenis Tawaran	Tarikh, Masa Dan Lokasi Taklimat Tender dan Lawatan Tapak	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Mula dan Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
T/SSC/10/2024	Kerja-Kerja Memotong Rumput dan Membersih Kawasan Longkang di Seluruh Kompleks Sukan dan Fasiliti di bawah Perbadanan Sukan Sarawak untuk Bahagian Kuching bagi Tempoh Tiga (3) tahun [2025-2028]	UPKJ: Kerja		Bumiputera Sahaja	Tarikh: 12 Disember 2024 Masa: 9:30 Pagi Lokasi: Bilik Mesyuarat, Aras 1, Stadium Sarawak	Dibayar Dalam Bentuk Bank Deraf/Tunai Atas Nama "Perbadanan Sukan Sarawak" RM200.00 (Tidak Dikembalikan)	13 Disember 2024 hingga 24 Disember 2024 <u>Isnin – Khamis</u> 9.00 am – 12.00pm 2.00pm-4.00pm <u>Jumaat</u> 9.00 am – 11.00am 2.30pm-4.00pm	26 Disember 2024 Sebelum 12.00 Tengah Hari
		Kelas	D					
		Kepala	VI					
		Sub-Kepala:	5(a)(ii) dan 5(b)					


2. Hanya penender yang menghadiri Taklimat Tender & Lawatan Tapak sahaja yang dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA (jika berkenaan), COP RASMI SYARIKAT dan SURAT PERWAKILAN KUASA (jika berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.

3. Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibayar dalam **Draf Bank/Tunai yang dibayar atas nama "Perbadanan Sukan Sarawak"** untuk pembelian di **Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching**.
4. Contoh Dokumen Tender (*Dokumen Meja Tender*) boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **03 Disember 2024** hingga **24 Disember 2024** pada waktu pejabat di alamat **Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050, Kuching, Sarawak**
5. Penender adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen tender lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen tender pada hari tender ditutup.
6. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan petender sebelum tarikh dan masa tutup tender.
7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak akan bertanggungjawab sekiranya petender lewat untuk mengemukakan dokumen tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat /Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor Rujukan Tender** dan **Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
Jawatankuasa Tender, Kewangan dan Pelaburan
Perbadanan Sukan Sarawak
d/a Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif,
Tingkat 2, Stadium Sarawak, Jalan Stadium
93050 Kuching
Sarawak

8. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
9. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

"BERSATU, BERUSAHA, BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"


YENYEN ANAK WONG
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Sukan Sarawak